

# Program Outreach dedahkan peserta situasi sebenar masyarakat etnik di kawasan pedalaman

OLEH MARUTIN ANSIUNG  
(marutin@newsabaitimes.com.my)

**KENINGAU:** Lebih 100 peserta terdiri siswa dan siswi serta warga sekolah dan masyarakat setempat di kampung Kuala Kahaba kira-kira 60 kilometer dari sini menyertai program Outreach bertemakan Scaling Up Education in Community, anjuran Unit Penyelidikan Pendidikan Luar Bandar (UPPLB), Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini.

Ketua Unit Penyelidikan Pendidikan Luar Bandar (UPPLB) Dr. Khalid Johari, berkata program selama empat hari itu, bertujuan mendedahkan peserta kepada situasi sebenar masyarakat pelbagai etnik di kawasan pedalaman, di samping membentuk jati diri bakal graduan, khususnya bakal guru untuk mearah bakti di pedalaman.

Katanya, program adalah kelolaan siswa dan siswi Program Sarjana Muda Pendidikan dengan kerjasama komuniti masyarakat Mukim Dalit Keningau.

Beliau berkata, kumpulan sasaran program adalah kalangan ibubapa, belia dan komuniti sekolah berkenaan.

Khalid berkata, sepanjang program itu, beberapa modul pembelajaran khas bagi pelajar SK Kahaba membabitkan 3 mata pelajaran teras telah dibentangkan ahasa Inggeris, Matematik dan Sains.

Katanya, modul yang disediakan adalah kreativiti siswa dan siswi terlibat dengan aktiviti yang menarik dan mampu memupuk motivasi pelajar untuk belajar.

"Selain itu, aktiviti yang berkonsepkan permainan kecil bagi merangsang minat pelajar

untuk belajar dan mengubah perspektif pelajar agar melihat belajar sebagai suatu proses yang menyeronokkan" katanya.

Katanya, antara yang menarik adalah modul Sains di mana pelajar mendapat pengalaman untuk membuat eksperimen dengan menggunakan model gunung berapi yang bermatlamat untuk membina pengetahuan pelajar mengenai fenomena alam semula jadi.

Katanya melalui modul Bahasa Inggeris pula, pelajar telah mengikuti aktiviti berkumpulan dengan melaksanakan aktiviti "The Spin Wheel" dan "The Dice".

Turut mendapat perhatian ialah slot perkongsian ilmu bersama ibu bapa dan belia tentang kepentingan pendidikan kepada masa depan generasi muda serta pendedahan hala tuju selepas menamatkan persekolahan.

Katanya, melalui perkongsian ilmu itu akan membuka minda masyarakat khususnya belia akan peluang-peluang melanjutkan pendidikan dalam pelbagai bidang.

Bagi golongan ibubapa ceramah peluang ekonomi melalui semangat keusahawanan dapat membantu peningkatan pendapatan penduduk yang sebahagian besar mempunyai produk kraftangan yang dihasilkan. Ini termasuk memberi pendedahan promosi bagi meningkatkan pasaran menjana pendapatan yang lebih lumayan.

Sementara itu, majlis perasmian penutupan disempurnakan oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Prof Madya Dr Suyansah Swanto. Hadir sama pensyarah FPP UMS, Dr.Christina @ Qistina Andin; Pengerusi Jawatankuasa Program Nurizamsyah Nordin; Guru Besar SK Kuala Kahaba Anthony Amin serta ketua masyarakat kam-



Dr. Suyansah (tiga dari kanan) bersama warga SK Kuala Kahaba masyarakat setempat.

pong.

Berucap dimajlis itu, Suyansah menggesa siswa dan siswi supaya menimba pengalaman berharga sepanjang melaksanakan aktiviti yang dijalankan bersama komuniti masyarakat pedalaman yang kaya dengan keunikan budaya tradisi, terutama menyelami kehidupan masyarakat luar Bandar yang memerlukan bantuan dalam arus pembangunan pendidikan.

"Program murni yang diusahakan oleh pihak UMS, khususnya Fakulti Pendidikan adalah sebagai langkah mengeluarkan tenaga sumber pendidikan yang berkualiti serta berjati diri yang tinggi apabila ditempatkan bertugas kelak dimana sahaja terutama diluar Bandar yang penuh dengan cabaran sebagai guru" katanya.

Justeru itu, katanya pelbagai pengalaman

dapat diperolehi oleh peserta, ini termasuk bidang pengurusan program, kerjasama baik agensi dan jabatan berkaitan serta ketua-ketua masyarakat dengan lebih praktikal. Katanya program mendapat sambutan yang amat membarangsangkan daripada warga sekolah dan masyarakat setempat sejak program outreach itu dilaksanakan beberapa tahun lalu, apabila rata-rata peserta dan komuniti memberikan maklumbalas yang positif terhadap aktiviti yang dijalankan.

Program dimeriahkan lagi dengan persembahan tarian, pameran makanan dan masakan tradisi masyarakat setempat.

Program ini turut dibantu oleh Pejabat Pendidikan Daerah Keningau, Persatuan Warga Prihatin Sabah (SUEC) dan Persatuan Wartawan Keningau Sabah (KJA).



Sebahagian siswa dan siswi bersama pelajar sekolah SK Kuala Kahaba selepas sesi bengkel pendidikan sempena program itu.



Sebahagian pelajar mengikuti sesi pembelajaran uji minda oleh siswi UMS.



Sebahagian pelajar pra sekolah yang menyertai aktiviti Outreach.



Sebahagian pelajar SK Kuala Kahaba yang menyertai program outreach UMS.



Sebahagian siswa dan siswi bersama pensyarah FPP UMS yang menyertai program.